GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI AHLI AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU TAHUN 2025/2026

Kelulusan:
Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) UMT
Kali Ke-35 [Bil. 3 Tahun 2025]
(13 Mei 2025)

Disediakan Oleh:
Jabatan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memberi penjelasan kepada Ketua PTj, Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilai Pertama (PPP), Pegawai Penilai Kedua (PPK), Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) dan Urus Setia PTj berhubung dengan prinsip, penyediaan dan pengendalian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Panduan ini hendaklah diikuti dengan sepenuhnya supaya dapat menghasilkan penilaian yang objektif, adil dan telus.

2.0 LATAR BELAKANG

Sistem penilaian prestasi pegawai dilaksanakan selaras dengan:

1. Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) – Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 – Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

2. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Sistem Pengurusan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia Versi 1.0 (2024) Ceraian UP.4.1.1. - Dasar Baharu Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Dan Kumpulan Pelaksana (MyPerformance)

3. Pelataan KPI Teras Pengajaran-Penyelidikan-Perkhidmatan (TeRaS) Bagi Tahun 2025 dan 2026 UMT

Sistem ini diwujudkan untuk mengukur prestasi, mempertingkatkan keupayaan dan produktiviti kakitangan serta meningkatkan pencapaian organisasi secara keseluruhannya.

Penilaian prestasi ini sangat penting bagi membolehkan sebarang tindakan, pertimbangan dan keputusan yang tepat berkaitan dengan pengurusan dan kemajuan kerjaya staf berikut dapat dibuat:

1. menentukan penempatan dan bidang kerjaya yang sesuai dengan potensi, kebolehan, keistimewaan serta kemajuan staf

2. menentukan kesesuaian dan kelayakan untuk kenaikan pangkat, pemangkuan pinjaman dan pertukaran sementara

3. menentukan kelayakan dan kesesuaian untuk pergerakan gaji

4. menentukan penganugerahan khidmat cemerlang, pingat dan bintang kebesaran serta pemberian surat penghargaan

5. mengenalpasti dan merancang keperluan latihan

6. memberi kaunseling dengan tujuan memperbaiki dan mempertingkat prestasi serta motivasi pegawai.

Selain itu, keputusan LNPT yang telah diperakukan oleh JKSM akan digunapakai bagi tujuan berikut:

1. Kenaikan Pangkat

Pegawai perlu mendapat markah LNPT sekurang-kurangnya 85% bagi tiga (3) tahun terakhir berdasarkan wajaran yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.3.1.1: Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam dengan markah prestasi pada tahun terakhir hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%.

2. Penyambungan kontrak

Pegawai kontrak perlu mendapat markah LNPT 85% dan ke atas bagi tujuan penyambungan kontrak.

3. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Markah penilaian prestasi bagi staf yang layak untuk dicalonkan sebagai penerima APC adalah 85% dan ke atas.

3.0 PRINSIP PENILAIAN

Sistem Penilaian Prestasi ini digubal berasaskan kepada prinsip-prinsip penilaian seperti berikut:

i. Penilaian hendaklah dilaksanakan secara objektif, adil dan telus.

ii. Penilaian prestasi hendaklah diasaskan kepada penghasilan kerja dan tingkah laku yang dipamerkan oleh PYD, ke arah pencapaian objektif organisasi yang ditetapkan.

iii. Menggalakkan persaingan positif sesama pegawai untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti.

4.0 PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM PENILAIAN PRESTASI

4.1 Peranan Naib Canselor Universiti

Naib Canselor Universiti bertanggungjawab untuk:

i. Menentukan hala tuju, matlamat dan sasaran kerja tahunan universiti

ii. Menetapkan petunjuk prestasi universiti yang akan dijadikan asas pencapaian kerja bagi semua PTj. Petunjuk prestasi yang ditetapkan hendaklah munasabah serta boleh dicapai dan diukur

iii. Mengadakan sistem penyelarasan, pemantauan dan kajian semula bagi memastikan kerja yang dijalankan oleh ketua PTj mengikut jadual yang ditetapkan

4.2 Peranan Ketua Pusat Tanggungjawab

i. Ketua Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab untuk:

ii. Merangka rancangan kerja tahunan PTj/ bahagian/ seksyen/ unit bersama dengan ketua bahagian masing-masing

iii. Menetapkan petunjuk prestasi bagi setiap aktiviti/projek PTj yang akan dijadikan asas pencapaian kerja bagi semua bahagian. Petunjuk prestasi yang ditetapkan hendaklah munasabah serta boleh dicapai dan diukur

iv. Mengadakan sistem penyelarasan, pemantauan dan kajian semula bagi memastikan kerja yang dijalankan oleh ketua bahagian mengikut jadual yang ditetapkan

v. Menentukan supaya pegawai penilai menyediakan LNPT untuk PYD mengikut peraturan dan jadual yang telah ditetapkan

vi. Mengarahkan pegawai penilai yang akan bertukar ke PTj lain, bersara atau meletak jawatan menyediakan LNPT dengan serta merta bagi PYD di bawah seliaan mereka jika tempoh penyeliaan tidak kurang 6 bulan

vii. Mengarahkan PYD yang akan bersara dan yang diberi pelepasan untuk dilantik ke jawatan lain melengkapkan borang LNPT jika tempoh penyeliaan tidak kurang 6 bulan

viii. Memastikan penilaian prestasi pegawai yang dilantik pada penghujung tahun (selepas 1 Julai) disediakan apabila tempoh sebenar perkhidmatan mereka genap 6 bulan.

4.3 Penentuan Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK)

Pegawai Penilai adalah pegawai yang terlibat secara langsung di dalam tugas dan peranan untuk menilai prestasi kerja seseorang staf. Mereka terdiri daripada pegawai atasan yang mempunyai hubungan langsung dengan pegawai yang berada di bawah pengawasan atau seliaan mereka. Terdapat dua (2) kategori pegawai penilai iaitu Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK). Definisi PPP dan PPK adalah seperti berikut:

i. PPP ialah pegawai atasan atau penyelia yang terdekat kepada PYD dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau yang mengawasi kerjanya

ii. PPK ialah pegawai atasan yang terdekat kepada PPP dan mempunyai hubungan kerja dengan PYD. Jika hanya terdapat satu peringkat penyeliaan, maka penilaian bolehlah dibuat oleh PPP sahaja.

PPP dan PPK hendaklah menepati syarat-syarat berikut:

i. Mempunyai hubungan kerja dan penyeliaan secara langsung di antara PYD dan PPP

ii. Gred/Jawatan pentadbiran PPP hendaklah lebih tinggi daripada gred/jawatan PYD

iii. Tiada hubungan kekeluargaan terdekat sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan (suami, isteri, anak, adik-beradik, anak saudara, mertua, menantu, ipar, sepupu atau biras) di antara PYD dengan Pegawai Penilainya

iv. Tempoh penyeliaan seelok-eloknya tidak kurang daripada 6 bulan dalam sesuatu tahun penilaian. Sekiranya PYD itu berkhidmat di dua jabatan yang berlainan dalam tempoh yang sama panjangnya, kedua-dua PPP yang terbabit dikehendaki menyediakan laporan prestasi PYD yang berkenaan. Penilaian PYD berkenaan akan dilakukan secara manual melibatkan keduadua PPP dan PPK PYD. PPP dan PPK yang terkini sahaja akan dipaparkan di dalam sistem Penilaian Prestasi Akademik (e-Prestasi V3).

v. PYD yang diselia oleh lebih daripada seorang PPP dalam tempoh masa yang berbeza-beza dan tidak ada pegawai kanan yang lain yang layak membuat penilaian, maka PPP yang paling lama tempoh penyeliaannya bolehlah membuat penilaian tersebut

vi. Sekiranya tiada PPP yang layak menilai kerana tempoh penyeliaannya kurang dari 6 bulan dalam tahun yang dinilai, maka penilaian hendaklah dibuat oleh pegawai yang lebih tinggi yang terdekat dan mempunyai hubungan kerja dengan PYD

vii. Walau apa pun peruntukan di perenggan (iv), (v) dan (vi) di atas, tempoh penyeliaan minimum untuk tujuan penilaian prestasi ialah 3 bulan

viii. Sekiranya Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tidak disediakan oleh PPP yang telah bersara, meletak jawatan atau tidak dapat dikesan, laporan prestasi PYD hendaklah disediakan oleh PPK.

4.4 Peranan dan tanggungjawab Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK)

Kekuatan dan keberkesanan Sistem Penilaian Prestasi terletak di atas peranan serta komitmen PPP dan PPK bagi melaksanakan tanggungjawab mereka di dalam tugas berikut:

i. PPP hendaklah menetap dan menentukan program tindakan dan rancangan kerja bagi bahagian/unit/aktiviti di bawah tanggungjawabnya selaras dengan dasar, rancangan dan strategi PTj

ii. PPK hendaklah memastikan PPP berbincang dengan PYD semasa menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dengan menggunakan sistem Penilaian Prestasi Akademik (e-Prestasi V3).

iii. PPP dan PPK hendaklah menetapkan petunjuk prestasi bagi setiap aktiviti/projek yang akan dijadikan asas pencapaian kerja setiap pegawai di bawah seliaan mereka. Ukuran petunjuk prestasi itu hendaklah dibuat semasa penetapan SKT. Petunjuk prestasi hendaklah diwujudkan bagi setiap aktiviti/projek dalam sesebuah organisasi untuk mengukur tahap pencapaian prestasi seseorang pegawai yang boleh diterima oleh organisasi. SKT hendaklah bersifat realistik, spesifik dan boleh diukur serta mempunyai sekurang-kurangnya satu petunjuk prestasi iaitu kuantiti, kualiti, masa atau kos

iv. PPP hendaklah menyelia kerja yang dijalankan oleh PYD melalui pengawasan dan bimbingan yang berterusan

v. PPP hendaklah berbincang dengan PYD mengenai kemajuan kerja di pertengahan tahun dan pada akhir tahun untuk mengenalpasti masalah pelaksanaan dan mengambil tindakan untuk mengatasinya serta membuat pengubahsuaian strategi pelaksanaan SKT

vi. PPP bertanggungjawab memastikan semua PYD di bawah seliaannya mengisi dan menyemak Bahagian I dan Bahagian II dalam modul e-LNPT

vii. PPP dikehendaki membuat penilaian dan ulasan mengenai prestasi PYD setelah membincangkannya dengan PYD serta membuat perakuan yang sesuai dengan menggunakan sistem Penilaian Prestasi Akademik (e-Prestasi V3)

viii. PPK juga dikehendaki membuat penilaian prestasi PYD selepas PPP membuat penilaiannya. Sekiranya terdapat perbezaan penilaian yang ketara, khususnya yang menyebabkan markah keseluruhan (purata) jatuh ke tahap yang tidak memuaskan, PPK hendaklah menyatakan alasan perbezaan itu dan memaklumkannya kepada PYD. Peraturan ini tidak terpakai bagi PYD yang hanya dinilai oleh seorang pegawai penilai sahaja.

4.5 Peranan Pegawai Yang Dinilai (PYD)

i. Membuat pengisian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) mengikut jadual pelaksanaan
ii. Memastikan ketepatan data dan maklumat yang dinyatakan

4.6 Peranan Urus Setia

4.6.1 Urus Setia Induk

i. Menyediakan jadual pelaksanaan LNPT
ii. Memantau pelaksanaan pengisian SKT oleh PYD dan penilaian prestasi oleh PPP/PPK mengikut jadual
iii. Menyediakan kertas pertimbangan untuk pengesahan penetapan PPP/PPK, markah penilaian prestasi dan penerima APC ke JKSM

4.6.2 Urus Setia PTj

i. Menyediakan senarai PYD, PPP dan PPK di PTj masing-masing serta mendapatkan pengesahan Ketua PTj

ii. Mengemukakan senarai tersebut kepada Urus Setia Induk

iii. Memastikan semua PYD membuat pengisian SKT dan PPP/PPK membuat penilaian mengikut jadual

5.0 SKALA PRESTASI TAHUNAN UMT

MARKAH (%)	SKALA PRESTASI	CATATAN
95 - 100	Cemerlang	Layak Mendapat Pergerakan Gaji Biasa
85 - 94.99	Baik	
75 - 84.99	Memuaskan	
74.99% ke bawah	Lemah	Pergerakan Gaji Statik

6.0 KATEGORI PENCAPAIAN PRESTASI PEGAWAI

Jadual berikut adalah kategori pencapaian prestasi pegawai:

Kategori	Markah (%)	Penjelasan Kategori Pencapaian
Cemerlang	95 - 100%	1. Memiliki kualiti kepimpinan yang cemerlang dalam memastikan fungsi dan objektif organisasi tercapai. 2. Penghasilan kerja yang cemerlang dan sentiasa melebihi standard yang ditetapkan. 3. Mempunyai pengetahuan/kemahiran/kepakaran yang tinggi dalam bidang tugas dan diakui serta sentiasa menjadi pakar rujuk. 4. Memiliki kualiti peribadi yang cemerlang dan dijadikan contoh ikutan.
Baik	85 - 94.99%	1. Berupaya mentadbir/menyelia dengan baik dalam memastikan fungsi dan objektif organisasi dipenuhi. 2. Penghasilan kerja yang baik dan sentiasa menepati standard maksimum yang ditetapkan. 3. Mempunyai pengetahuan/kemahiran/kepakaran yang tinggi dalam bidang tugas dan menjadi sumber rujukan.

Kategori	Markah (%)	Penjelasan Kategori Pencapaian
		4. Memiliki kualiti peribadi yang baik.
Memuaskan	75 -84.99%	1. Berupaya mentadbir/menyelia organisasi dengan tahap yang memuaskan. 2. Penghasilan kerja yang memuaskan dan menepati standard yang ditetapkan. Mempunyai pengetahuan/kemahiran/ kepakaran yang memuaskan dalam bidang tugas dan boleh memberi nasihat dalam bidang kerja tertentu. 3. Memiliki kualiti peribadi yang memuaskan.
Lemah	74.99% ke bawah	1. Penghasilan kerja yang lemah dan tidak mencapai standard minimum yang ditetapkan. 2. Mempunyai pengetahuan/kemahiran yang tidak memuaskan untuk melaksanakan tugas. 3. Memiliki kualiti peribadi dan tahap disiplin yang tidak memuaskan.

7.0 PELBAGAI

7.1 Penilaian Prestasi Pegawai Cuti Belajar

Pergerakan gaji tahunan pegawai cuti belajar diambil kira melalui prestasi laporan kemajuan cuti belajar yang dihantar oleh pegawai setiap enam (6) bulan. Pegawai adalah layak menerima pengerakan gaji tahunan tertakluk kepada markah Laporan Kemajuan Pengajian atau PNGK seperti berikut:

Peringkat	Laporan Kemajuan Pengajian	Markah/PNGK (setahun)
Diploma Lanjutan	3.0	(PNGK)
Sarjana Muda	3.0	(PNGK)
Sarjana (Kerja Kursus)	3.0	(PNGK)
Sarjana (Penyelidikan)	6.0	(markah laporan kemajuan)
Doktor Falsafah	6.0	(markah laporan kemajuan)
Purata Nilaian Gred Keseluruhan (PNGK)		

(Minit Mesyuarat MPU Kali Ke-251 Bil.25/2021)

Student's Rating For The Following (On Scale 1 to 10)									
1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
Note:									
9,10					*Excellent*				
7,8					*Good*				
6					*Average*				
4,5					*Poor*				
1,2,3					*Very Poor*				

(Sistem e-CUBE)

Sekiranya markah Laporan Kemajuan Pengajian atau PNGK kurang daripada skala yang ditetapkan, pergerakan gaji tahunan mereka adalah statik. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu JKSM boleh mempertimbangkan dan meluluskan pengerakan gaji tahunan bagi pegawai yang tidak mencapai tahap prestasi di atas.

Manakala, bagi pegawai cuti belajar yang tidak mempunyai Penyelia di awal pengajian dan hanya perlu mengikuti pengajian secara kerja kursus sebagai prasyarat pengajian yang ditetapkan oleh universiti, mereka perlu **LULUS** kesemua subjek prasyarat yang ditetapkan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Dekan bagi tujuan pergerakan gaji tahunan mereka.

7.2 Penetapan Kaedah Penilaian Prestasi Kepada Pegawai Yang Aktif Di Kampus Hanya 6 Bulan/180 Hari Dalam Tahun Penilaian Kerana Cuti Belajar/Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Kedoktoran/Cuti Penyelidikan/Sangkutan Akademik

Ketua PTj hendaklah membuat penetapan sama ada pegawai yang baru balik atau baru pergi Cuti Belajar/Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Kedoktoran/Cuti Penyelidikan/Sangkutan Akademik perlu menyediakan LNPT seperti biasa atau dinilai berdasarkan Laporan Cuti Belajar/Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Kedoktoran/Cuti Penyelidikan/Sangkutan Akademik sekiranya tempoh aktif pegawai tersebut di kampus hanya enam (6) bulan/180 hari sahaja dalam tahun penilaian.

7.3 Pegerakan Gaji Pegawai Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Kedoktoran/Cuti Penyelidikan/Sangkutan Akademik (melebihi 6 bulan)

Pergerakan gaji tahunan pegawai Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Kedoktoran/Cuti Penyelidikan/Sangkutan Akademik (melebihi 6 bulan) diambil kira melalui laporan Cuti Sabatikal/Cuti Pasca Kedoktoran/Cuti Penyelidikan/Sangkutan Akademik yang telah disahkan oleh Ketua PTj. Bagi pegawai yang tidak menghantar dan mendapat pengesahan Ketua PTj, pergerakan gaji tahunan mereka adalah statik.

7.4 Penilaian Prestasi Pegawai Dual Appointment

Bagi pegawai dual appointment, penilaian hendaklah dibuat oleh kedua-dua PTj yang terlibat.

7.5 Penilaian Prestasi Pegawai Cuti Tanpa Gaji (CTG)

Bagi pegawai cuti tanpa gaji, penilaian prestasi tidak perlu dilaksanakan. Pergerakan gaji adalah secara isyarat dengan tiga (3) kali pergerakan sahaja sepanjang perkhidmatan dan tiada pergerakan gaji selepas tahun ketiga.

8.0 JADUAL PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI

Perkara	Jangka masa
1. Perancangan kerja tahunan jabatan/ bahagian/ seksyen	Disember/Januari
2. Pengisian Sasaran Kerja Tahunan oleh PYD	Mac
3. Pelaksanaan kerja dan pengesanan	Mac – Ogos
4. Kajian semula pertengahan tahun	Ogos
5. Pelaksanaan kerja dan pengesanan	Ogos – Disember
6. Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi	Januari
7. Penilaian oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP)	Februari
8. Penilaian oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK)	Mac
9. Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia	April
10. Majlis Anugerah Tahunan (MAT)	Julai/Ogos

9.0 PROSEDUR SEMAKAN/RAYUAN KEPUTUSAN PENILAIAN PRESTASI

Semakan/rayuan keputusan penilaian prestasi tahunan Ahli Akademik boleh dikemukakan dengan persetujuan PPP dan PPK **dalam tempoh satu (1) bulan** selepas keputusan dihebahkan *[Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) UMT Kali Ke-38 (Bilangan 6 Tahun 2025) yang bersidang pada 4 Disember 2025]*. Prosedur semakan/rayuan tersebut adalah sepertimana berikut:



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A - Aliran Proses Pengurusan Prestasi

Lampiran B - Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Penilaian Prestasi Ahli Akademik UMT Tahun 2025/2026

Lampiran 1 : Pelataan KPI Teras Pengajaran-Penyelidikan-Perkhidmatan (TeRaS) Tahun 2025/2026

Lampiran 2 : SKT Minimum Ahli Akademik UMT Tahun 2025/2026

Lampiran 3 : Kriteria SKT (TeRaS) 2025/2026 dan Markah Pemberat

Lampiran C - Panduan Pengguna Sistem Penilaian Prestasi Akademik (e-Prestasi V3)

Lampiran A

ALIRAN PROSES PENGURUSAN PRESTASI

Lampiran B

PENETAPAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) DAN PENILAIAN PRESTASI AHLI AKADEMIK UMT TAHUN 2025/2026

1. Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Penilaian Prestasi Ahli Akademik Tahun 2025/2026 turut mengambilkira Pelataan KPI Teras Pengajaran-Penyelidikan-Perkhidmatan (TeRaS) yang telah diedarkan kepada semua Dekan Fakulti/PPAL, Pengarah Institut dan Pengarah PASTEM sepertimana di **Lampiran 1**.

2. Terdapat 35 KPI TeRaS yang telah dipertanggungjawabkan kepada semua Dekan Fakulti/PPAL, Pengarah Institut dan Pengarah PASTEM iaitu:

   a) Teaching (T) : TeRaS 1 - 15
   b) Research (R) : TeRaS 16 - 30
   c) Service (S) : TeRaS 31 - 35

3. Pengagihan Pelataan KPI Teras Pengajaran-Penyelidikan-Perkhidmatan (TeRaS) Tahun 2025 dan 2026 kepada semua Ahli Akademik UMT diterjemahkan kepada **SKT Minimum** berdasarkan gred seperti di **Lampiran 2**. Manakala, komponen serta keseluruhan kriteria yang terdapat dalam SKT Ahli Akademik tahun 2025/2026 serta pemberat markah bagi setiap kriteria adalah sepertimana di **Lampiran 3**.

4. Ringkasan SKT Minimum Ahli Akademik bagi Tahun 2025/2026 adalah sepertimana berikut:

   a) Penetapan SKT Individu Ahli Akademik adalah tertakluk kepada persetujuan antara Dekan/Pengarah dan Ahli Akademik;

b) Penetapan SKT bagi **Pentadbir Akademik** adalah berdasarkan SKT Fakulti/Institut (PTj hakiki) masing-masing dan perlu mendapatkan persetujuan PPP dan PPK;

c) Penetapan SKT Ahli Akademik **bertaraf kontrak** adalah tertakluk kepada **KPI semasa lantikan kontrak** tersebut dan keperluan khusus/strategik PTj dan universiti. Penetapan ini perlu mendapat perakuan dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); dan

d) Penetapan SKT Ahli Akademik *Dual Appointment* adalah tertakluk kepada KPI semasa lantikan tersebut dan keperluan khusus/strategik PTj dan Universiti seperti berikut:

FELO PENYELIDIK PELANTIKAN BERSAMA (*DUAL APPOINTMENT*)
(Kelulusan MPU Ke-200 Bil. 20/2019 Pada 21 Oktober 2019)

Gred	Sains & Teknologi			Sains Sosial		
	Fakulti	Institut	Dual Appointment (50:50)	Fakulti	Institut	Dual Appointment (50:50)
VK5	6 indeks	8 indeks	7 indeks	5 indeks + 1	7 indeks + 1	6 indeks + 1
VK6	5 indeks	7 indeks	6 indeks	4 indeks + 1	6 indeks + 1	5 indeks + 1
VK7	4 indeks	6 indeks	5 indeks	3 indeks + 1	5 indeks + 1	4 indeks + 1
DS53/54	3 indeks	5 indeks	4 indeks	3 indeks	5 indeks	4 indeks
DS51/52	2 indeks	4 indeks	3 indeks	2 indeks	4 indeks	3 indeks

***Dual Appointment* (50:50) -> [SKT Penerbitan - 50% di PTj (Hakiki) dan 50% di PTj (Semasa)]**
**** indeks merujuk kepada penerbitan artikel jurnal terindeks***
**** +1 merujuk kepada penerbitan buku/monograf***

e) Kriteria untuk syarat kenaikan pangkat atau syarat lain-lain yang tiada dalam SKT 2025/2026 hendaklah dilaksanakan sendiri oleh Ahli Akademik atas kepentingan perkhidmatan masing-masing.

5. Indikator **wajib** dalam penilaian prestasi adalah penting untuk memastikan KPI universiti tercapai dan kecemerlangan penilaian prestasi ahli akademik memberi impak yang selari dengan kecemerlangan universiti. Ahli akademik **tidak layak mendapat penilaian Cemerlang** jika tidak mencapai mana-mana indikator wajib seperti berikut:

a) Mencapai mana-mana sasaran penerbitan berindeks yang ditetapkan oleh fakulti/institut pada *Quartile* paling tinggi dalam WoS atau Scopus bagi Ahli Akademik gred DS51 ke atas; dan

b) Peratusan Markah untuk Gabungan **Komponen B** (Kepimpinan Pengurusan dan Kualiti Peribadi) dan **Komponen C** (Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi) **tidak boleh kurang daripada 15%**.

6. Penetapan Pegawai Penyemak Dokumen (PPD), Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) bagi setiap kategori PYD adalah seperti berikut:

Kategori PYD	**PPD** ***(Pegawai Penyemak Dokumen)***	**PPP**	**PPK**
1. Ahli Akademik tidak memegang jawatan pentadbiran yang bertaraf tetap & kontrak (lokal & antarabangsa):			
a) Fakulti	-	Timbalan Dekan (Bakat & Penyelidikan)	Dekan
b) Institut Penyelidikan	-	Timbalan Pengarah	Pengarah
c) PPAL	-	Ketua Jabatan	Dekan
d) PASTEM	-	Penyelaras Program	Pengarah
2. Pentadbir Akademik :			
a) Dekan	-	Timbalan Naib Canselor (A&A)	Naib Canselor
b) Pengarah Institut Penyelidikan	-	Timbalan Naib Canselor (P&I)	Naib Canselor

Kategori PYD	PPD *(Pegawai Penyemak Dokumen)*	PPP	PPK
c) Pengarah Pusat Tanggungjawab (PISM, PPP, PPIJIM, PPPA, TSR, PPS, PPBI dan lain-lain)	Dekan/Pengarah (PTj Hakiki) *(Akan menilai Komponen A-TERAS sebagai PPD)*	Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor/ Pro Naib Canselor/ Pendaftar (mengikut Carta Organisasi UMT) *(Akan menilai Komponen B dan Komponen C)*	Naib Canselor *(Akan menilai Komponen B dan Komponen C)*
d) Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah Institut	-	Dekan / Pengarah Institut *(Akan menilai Komponen A-TERAS, Komponen B dan Komponen C)*	
e) Timbalan Pengarah Pusat Tanggungjawab (PISM, PPP, PPIJIM, PPPA, TSR, PPS, PPBI dan lain-lain)	Dekan/Pengarah (PTj Hakiki) *(Akan menilai Komponen A-TERAS sebagai PPD)*	Pengarah PTj Semasa (Mengikut Carta Organisasi UMT) *(Akan menilai Komponen B dan Komponen C)*	
f) Pengerusi Bidang/Ketua Program/ Ketua Jabatan (PPAL sahaja)/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Ketua Makmal/Penyelaras dan setara **Dilantik oleh Pengurusan UMT*	-	Timbalan Dekan (Bakat & Penyelidikan)/ Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) / Timbalan Pengarah *(Tertakluk kepada Carta Organisasi PTj)*	Dekan/Pengarah *(Tertakluk kepada Carta Organisasi PTj)*

7. Wajaran Markah mengikut Komponen Penilaian dan Kategori PYD adalah diperincikan seperti berikut:

WAJARAN MARKAH MENGIKUT KOMPONEN PENILAIAN SKT 2025/2026

AHLI AKADEMIK BIASA

(Termasuk Ahli Akademik Lantikan Kontrak - Lokal & Antarabangsa)

Komponen	Fakulti/ Institut		PPAL			STEM		
Komponen A Berdasarkan kepada Pelataan KPI -TeRaS UMT	**80%**		**80%**			**80%**		
Gred/Skim	***DS11 ke atas***	***Pegawai Latihan Vokasional***	***DS13 ke atas***	***DS11***	***Guru Bahasa***	***DS13 ke atas***	***DS11***	***Guru Bahasa***
Pengajaran	*30*	*50*	*30*	*40*	*50*	*30*	*40*	*50*
Penyelidikan	*30*	*10*	*30*	*20*	*10*	*30*	*20*	*10*
Perkhidmatan	*20*	*20*	*20*	*20*	*20*	*20*	*20*	*20*
KOMPONEN B (Kepimpinan Pengurusan & Kualiti Peribadi)	**15%**		**15%**			**15%**		
KOMPONEN C (Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi)	**5%**		**5%**			**5%**		
Jumlah	**100%**		**100%**			**100%**		

***(UMT telah mengadaptasi komponen asas penilaian yang ditetapkan oleh JPA dan memperincikan setiap komponen tersebut mengikut keperluan UMT. Komponen A diperincikan kepada Petunjuk Prestasi Utama Dalam Pencapaian KPI UMT dan Komponen B dipecahkan kepada Kualiti Peribadi dan Komponen C untuk Kegiatan dan Sumbangan Luar Tugas Rasmi.)*

(PENTADBIR AKADEMIK)

FAKULTI				
Komponen	**Pengerusi Bidang/Ketua Program/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelaras**	**Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah**	**Ketua PTj (Dekan/ Pengarah/ Ketua Pusat)**	**Pegawai Utama Universiti**
KOMPONEN A Berdasarkan kepada Pelataan KPI -TeRaS UMT	**65%**	**50%**	**35%**	**15%**
Pengajaran	*20*	*20*	10	3
Penyelidikan	*30*	*20*	10	5
Perkhidmatan	*15*	*10*	15	7
KOMPONEN B				
Kepimpinan Pengurusan	**15%**	**30%**	**40%**	**60%**
Kualiti Peribadi	**15%**	**15%**	**20%**	**20%**
KOMPONEN C (Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi)	**5%**	**5%**	**5%**	**5%**
Jumlah	**100%**	**100%**	**100%**	**100%**

INSTITUT				
Komponen	**Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Ketua Makmal/ Penyelaras**	**Timbalan Pengarah**	**Pengarah Institut**	**Pegawai Utama Universiti**
KOMPONEN A Berdasarkan kepada Pelataan KPI -TeRaS UMT	**65%**	**50%**	**35%**	**15%**
Pengajaran	*20*	*10*	10	3
Penyelidikan	*30*	*20*	10	5
Perkhidmatan	*15*	*20*	15	7
KOMPONEN B				
Kepimpinan Pengurusan	**15%**	**30%**	**40%**	**60%**
Kualiti Peribadi	**15%**	**15%**	**20%**	**20%**
KOMPONEN C (Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi)	**5%**	**5%**	**5%**	**5%**
Jumlah	**100%**	**100%**	**100%**	**100%**

PPAL				
Komponen	**Ketua Jabatan *(PPAL Sahaja)***	**Timbalan Dekan**	**Ketua PTj (Dekan/ Pengarah/ Ketua Pusat)**	**Pegawai Utama Universiti**
Komponen A Berdasarkan kepada Pelataan KPI -TeRaS UMT	**65%**	**50%**	**35%**	**15%**
Pengajaran	15	10	10	3
Penyelidikan	30	20	10	5
Perkhidmatan	20	20	15	7
KOMPONEN B				
Kepimpinan Pengurusan	**15%**	**30%**	**40%**	**60%**
Kualiti Peribadi	**15%**	**15%**	**20%**	**20%**
KOMPONEN C (Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi)	**5%**	**5%**	**5%**	**5%**
Jumlah	**100%**	**100%**	**100%**	**100%**

PASTEM				
Komponen	**Penyelaras Program**	**Timbalan Pengarah**	**Ketua PTj (Pengarah)**	**Pegawai Utama Universiti**
Komponen A Berdasarkan kepada Pelataan KPI -TeRaS UMT	**65%**	**50%**	**35%**	**15%**
Pengajaran	30	30	10	3
Penyelidikan	15	10	10	5
Perkhidmatan	20	10	15	7
KOMPONEN B				
Kepimpinan Pengurusan	**15%**	**30%**	**40%**	**60%**
Kualiti Peribadi	**15%**	**15%**	**20%**	**20%**
KOMPONEN C (Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi)	**5%**	**5%**	**5%**	**5%**
Jumlah	**100%**	**100%**	**100%**	**100%**

8. Pecahan Wajaran Markah bagi Komponen TeRaS mengikut Kategori PYD dan Kriteria Utama TeRaS adalah diperincikan seperti berikut:

PECAHAN WAJARAN MARKAH
MENGIKUT KATEGORI PYD DAN KRITERIA UTAMA
(TeRaS)

AHLI AKADEMIK BIASA

(Termasuk Ahli Akademik Lantikan Kontrak - Lokal & Antarabangsa)

FAKULTI/INSTITUT	
Kriteria TeRaS	**DS11 Ke atas**
T - Pengajaran	30
R - Penyelidikan	30
S1 - Pemindahan Ilmu	5
S2 - Pembangunan Kendiri	5
S3 - Kepimpinan Akademik	10
Jumlah	**80**

PPAL & PASTEM			
Kriteria TeRaS	**Guru Bahasa**	**DS11**	**DS13 Ke atas**
T - Pengajaran	50	40	30
R - Penyelidikan	10	20	30
S1 - Pemindahan Ilmu	5	5	5
S2 - Pembangunan Kendiri	5	5	5
S3 - Kepimpinan Akademik	10	10	10
Jumlah	**80**	**80**	**80**

FAKULTI	
Kriteria TeRaS	**DV9/DV10**
	(Pegawai Latihan Vokasional)
T - Pengajaran	50
R - Penyelidikan	10
S1 - Pemindahan Ilmu	5
S2 - Pembangunan Kendiri	5
S3 - Kepimpinan Akademik	10
Jumlah	**80**

PENTADBIR AKADEMIK

FAKULTI				
Komponen	**Pengerusi Bidang/ Ketua Program/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Penyelaras**	**Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah**	**Ketua PTj (Dekan/ Pengarah/ Ketua Pusat)**	**Pegawai Utama Universiti**
T - Pengajaran	30	20	10	5
R - Penyelidikan	20	20	10	3
S1 - Pemindahan Ilmu	5	5	5	2
S2 - Pembangunan Kendiri	5	3	5	2
S3 - Kepimpinan Akademik	5	2	5	3
Jumlah	**65**	**50**	**35**	**15**

INSTITUT				
Komponen	**Ketua Bahagian/ Ketua Unit/ Ketua Makmal/ Penyelaras**	**Timbalan Pengarah**	**Pengarah Institut**	**Pegawai Utama Universiti**
T - Pengajaran	30	20	10	5
R - Penyelidikan	20	10	10	3
S1 - Pemindahan Ilmu	5	5	5	2
S2 - Pembangunan Kendiri	5	5	5	2
S3 - Kepimpinan Akademik	5	10	5	3
Jumlah	**65**	**50**	**35**	**15**

PPAL				
Komponen	**Ketua Jabatan *(PPAL Sahaja)***	**Timbalan Dekan**	**Ketua PTj (Dekan/ Pengarah/ Ketua Pusat)**	**Pegawai Utama Universiti**
T - Pengajaran	30	20	10	5
R - Penyelidikan	15	10	10	3
S1 - Pemindahan Ilmu	5	5	5	2
S2 - Pembangunan Kendiri	5	5	5	2
S3 - Kepimpinan Akademik	10	10	5	3
Jumlah	**65**	**50**	**35**	**15**

PASTEM				
Komponen	**Penyelaras Program**	**Timbalan Pengarah**	**Pengarah**	**Pegawai Utama Universiti**
T - Pengajaran	15	10	10	5
R - Penyelidikan	30	30	10	3
S1 - Pemindahan Ilmu	10	5	5	2
S2 - Pembangunan Kendiri	5	3	5	2
S3 - Kepimpinan Akademik	5	2	5	3
Jumlah	**65**	**50**	**35**	**15**

9. Proses menguruskan penilaian prestasi tahunan bagi Ahli Akademik UMT adalah dilaksanakan secara dalam talian iaitu melalui Sistem Penilaian Prestasi Akademik (e-Prestasi V3). Panduan Pengguna Sistem e-Prestasi V3 adalah sepertimana di **Lampiran 4**.

LAMPIRAN 1

PELATAAN KPI (TeRaS)
TEACHING (T) - RESEARCH (R) - SERVICE (S)
TAHUN 2025/2026

NO. RUJUKAN : UMT/TSR/100-0/5 Jld 4 (03) TARIKH : 9 FEBRUARI 2025				SASARAN											
Bil	**NO. TeRaS**	**KPI - TeRaS**	**TAHUN**	**FSSM**	**FPSM**	**FTKK**	**FSKM**	**FPEPS**	**FPM**	**PPAL**	**INOS**	**AKUATROP**	**ICAMB**	**IBTPL**	**PASTEM**
TEACHING															
1	**TeRaS 1**	Peratus pensyarah sebagai penyelia utama pelajar PhD	*2025*	70%	70%	70%	70%	70%	70%	70%	100%	100%	100%	100%	-
			2026	75%	75%	75%	75%	75%	75%	75%	100%	100%	100%	100%	-
2	**TeRaS 2**	Peratus pensyarah sebagai penyelia utama pelajar sarjana aktif	*2025*	55%	55%	55%	55%	55%	55%	55%	55%	55%	55%	55%	-
			2026	60%	60%	60%	60%	60%	60%	60%	60%	60%	60%	60%	-
3	**TeRaS 3**	Bilangan pelajar PhD (FTE)	*2025*	86	65	43	43	154	16	38	36	27	33	9	-
			2026	Layak menyelia 2026 x 1	Layak menyelia 2026 x 1	Layak menyelia 2026 x 1	Layak menyelia 2026 x 1	Layak menyelia 2026 x 2	Layak menyelia 2026 x 1	Layak menyelia 2026 x 2	Layak menyelia 2026 x 3	Layak menyelia 2026 x 3	Layak menyelia 2026 x 3	Layak menyelia 2026 x 3	-
4	**TeRaS 4**	Bilangan enrolmen pelajar pasca siswazah (penyelidikan) dengan kelayakan CGPA >=3.5	*2025*	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	-
			2026	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	65%	-
5	**TeRaS 5**	Bilangan program ODL yang ditawarkan	*2025*	1	1	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-
			2026	-	1	-	2	2	-	-	-	-	-	-	-
6	**TeRaS 6**	Bilangan penawaran program akademik baharu dalam bidang tujahan yang mempunyai program minor keusahawanan (kumulatif)	*2025*	-	1	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-
			2026	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
7	**TeRaS 7**	Bilangan pelajar antarabangsa	*2025*	205	120	92	115	187	46	42	32	23	30	7	-
			2026	217	127	97	122	197	49	44	34	24	32	7	-

NO. RUJUKAN : UMT/TSR/100-0/5 Jld 4 (03) TARIKH : 9 FEBRUARI 2025				SASARAN											
Bil	**NO. TeRaS**	**KPI - TeRaS**	**TAHUN**	**FSSM**	**FPSM**	**FTKK**	**FSKM**	**FPEPS**	**FPM**	**PPAL**	**INOS**	**AKUATROP**	**ICAMB**	**IBTPL**	**PASTEM**
8	**TeRaS 8**	Peratus pensyarah antarabangsa sepenuh masa	*2025*	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	-
			2026	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	-
9	**TeRaS 9**	Peratus pensyarah antarabangsa sangkutan	*2025*	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	-
			2026	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	-
10	**TeRaS 10**	Bilangan pelajar mobiliti inbound (>= 14 hari)	*2025*	100	100	100	100	100	100	-	30	30	30	30	-
			2026	110	110	110	110	110	110	-	35	35	35	35	-
11	**TeRaS 11**	Bilangan pelajar mobiliti outbound (>= 14 hari)	*2025*	127	84	59	105	237	54	-	10	10	10	5	-
			2026	146	96	68	121	272	62	-	10	10	10	5	-
12	**TeRaS 12**	Peratus kebolehpasaran graduan	*2025*	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	90.0%	-
			2026	92%	92%	92%	92%	92%	92%	92%	92%	92%	92%	92%	-
13	**TeRaS 13**	Peratus pelajar menjadikan UMT pilihan 1 hingga 3	*2025*	60%	60%	60%	60%	60%	60%	-	-	-	-	-	-
			2026	65%	65%	65%	65%	65%	65%	-	-	-	-	-	-
14	**TeRaS 14**	Bilangan jaringan industry baharu (tidak termasuk industri in classroom dan latihan industri)	*2025*	7	7	7	7	7	7	6	6	6	6	6	-
			2026	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	-
15	**TeRaS 15**	Bilangan Industri dalam kuliah	*2025*	5 per program	5 per program	5 per program	5 per program	5 per program	5 per program	-	-	-	-	-	-
			2026	5 per program	5 per program	5 per program	5 per program	5 per program	5 per program	-	-	-	-	-	-
RESEARCH															
16	**TeRaS 16**	Peratus pensyarah sebagai penulis utama *corresponding*, bersama artikel jurnal terindeks (Wos, Scopus)	*2025*	80%	80%	80%	80%	80%	80%	50%	100%	100%	100%	100%	50%
			2026	80%	80%	80%	80%	80%	80%	50%	100%	100%	100%	100%	50%
17	**TeRaS 17**	Nisbah penerbitan artikel jurnal terindeks (WoS, Scopus) per pensyarah	*2025*	2	2	2	2	1.8	2	1	6	6	6	6	0.25
			2026	2	2	2	2	1.8	2	1	6	6	6	6	0.25
18	**TeRaS 18**		*2025*	2	2	2	2	5	2	6	1	1	1	1	-

NO. RUJUKAN : UMT/TSR/100-0/5 Jld 4 (03) TARIKH : 9 FEBRUARI 2025				SASARAN											
Bil	**NO. TeRaS**	**KPI - TeRaS**	**TAHUN**	**FSSM**	**FPSM**	**FTKK**	**FSKM**	**FPEPS**	**FPM**	**PPAL**	**INOS**	**AKUATROP**	**ICAMB**	**IBTPL**	**PASTEM**
		Bilangan buku terindeks/buku tak terindeks	*2026*	2	2	2	2	5	2	6	1	1	1	1	-
19	**TeRaS 19**	Bilangan bab dalam buku terindeks/bab dalam buku tidak terindeks (tidak termasuk monograf)	*2025*	11	11	11	11	13	11	13	5	5	5	4	-
			2026	11	11	11	11	13	11	13	5	5	5	4	-
20	**TeRaS 20**	Peratus penerbitan di dalam jurnal Q1/Q2 berbanding jumlah bilangan penerbitan terindeks – WOS, Scopus	*2025*	40%	40%	40%	40%	20%	20%	15%	80%	80%	80%	80%	-
			2026	40%	40%	40%	40%	20%	20%	15%	80%	80%	80%	80%	-
21	**TeRaS 21**	Peratus penerbitan artikel jurnal terindeks dalam bidang tujahan sumber akuatik	*2025*	30%	50%	10%	5%	5%	5%	5%	20%	70%	50%	70%	-
			2026	30%	50%	10%	5%	5%	5%	5%	20%	70%	50%	70%	-
22	**TeRaS 22**	Peratus penerbitan artikel jurnal terindeks dalam bidang tujahan ilmu kelautan	*2025*	30%	20%	10%	5%	1%	20%	1%	70%	20%	40%	20%	-
			2026	30%	20%	10%	5%	1%	20%	1%	70%	20%	40%	20%	-
23	**TeRaS 23**	Peratus artikel yang diterbitkan bersama industri	*2025*	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	-
			2026	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	25%	-
24	**TeRaS 24**	Nisbah bilangan penerbitan di dalam jurnal MyCite/pensyarah	*2025*	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
			2026	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
25	**TeRaS 25**	Peratus pensyarah sebagai penyelidik utama geran penyelidikan	*2025*	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	100%	100%	100%	100%	-
			2026	80%	80%	80%	80%	80%	80%	80%	100%	100%	100%	100%	-
26	**TeRaS 26**	Jumlah terimaan geran penyelidikan sumber Kerajaan (RM)	*2025*	1.49 j	1.63 j	0.99 j	0.69 j	1.73 j	0.34 j	0.84 j	0.35 j	0.41 j	3.0 j	0.35 j	0.04 j
			2026	1.19 j	1.41 j	0.99 j	0.69 j	1.93 j	0.57 j	0.93 j	0.35 j	0.41 j	3.0 j	0.35 j	0.04 j
27	**TeRaS 27**	Jumlah terimaan geran penyelidikan sumber Swasta (RM)	*2025*	0.30 j	0.25 j	0.15 j	0.3 j	0.05 j	0.05 j	0.15 j	0.30 j	0.30 j	0.10 j	0.05 j	-
			2026	0.20 j	0.15 j	0.30 j	0.3 j	0.05 j	0.15 j	0.20 j	0.35 j	0.35 j	0.15 j	0.05 j	-
28	**TeRaS 28**	Jumlah terimaan geran penyelidikan sumber antarabangsa (RM)	*2025*	0.6 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.1 j	0.3 j	0.3 j	0.3 j	0.15 j	-
			2026	0.6 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.15 j	0.35 j	0.35 j	0.35 j	0.2 j	-

NO. RUJUKAN : UMT/TSR/100-0/5 Jld 4 (03) TARIKH : 9 FEBRUARI 2025				SASARAN											
Bil	**NO. TeRaS**	**KPI - TeRaS**	**TAHUN**	**FSSM**	**FPSM**	**FTKK**	**FSKM**	**FPEPS**	**FPM**	**PPAL**	**INOS**	**AKUATROP**	**ICAMB**	**IBTPL**	**PASTEM**
29	**TeRaS 29**	Jumlah pendapatan kasar daripada penganjuran kursus latihan (program bukan ijazah), persidangan, seminar dan program perkongsian ilmu yang dianjurkan dalam bidang kepakaran (berkaitan penyelidikan) – (RM)	*2025*	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	20,000	100,000	100,000	100,000	100,000	-
			2026	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	20,000	100,000	100,000	100,000	100,000	-
30	**TeRaS 30**	Jumlah pendapatan kasar daripada perkhidmatan ditawarkan (RM)	*2025*	-	-	-	-	-	-	-	100,000	100,000	100,000	-	-
			2026	-	-	-	-	-	-	-	100,000	100,000	100,000	-	-
SERVICES															
31	**TeRaS 31**	Bilangan program tanggungjawab sosial universiti (USR)	*2025*	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5
			2026	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5
32	**TeRaS 32**	Peratus staf akademik terlibat dengan program USR	*2025*	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%
			2026	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%
33	**TeRaS 33**	Peratus staf sokongan akademik terlibat dengan program USR	*2025*	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
			2026	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
34	**TeRaS 34**	Bilangan komuniti luar yang mendapat manfaat daripada program USR	*2025*	30	30	30	30	30	30	20	20	20	20	20	20
			2026	35	35	35	35	35	30	20	20	20	20	20	20
35	**TeRaS 35**	Bilangan program kolaborasi bersama rakan industri	*2025*	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1	1	1	1	1	1
			2026	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1 setiap program Sarj. Muda	1	1	1	1	1	1

Lampiran 2

SKT MINIMUM AHLI AKADEMIK UMT
TAHUN 2025/2026
(TeRaS)

TEACHING (T)

	KRITERIA	FAKULTI	PPAL/PASTEM	INSTITUT
T	**a) Amanah Pengajaran** i) Pengajaran kursus pra-siswazah, pasca siswazah mod B & C. ii) Menyelia pelajar pra-siswazah untuk projek penyelidikan tahun akhir (PITA) iii) Penyeliaan Latihan industri iv) Kerja-kerja lapangan dan sebagainya ***Nota:*** *Jumlah jam kredit boleh disetarakan bergantung kepada jumlah pelajar yang mendaftar dalam kursus.*	Minimum 9 jam kredit setahun bagi ahli akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran **ATAU** Sekurang-kurangnya 6 jam kredit setahun atau setara* bagi ahli akademik yang memegang jawatan Pengerusi Program/Ketua Jabatan/ Timbalan Pengerusi Program dan setara **ATAU** Minimum 3 jam kredit setahun bagi ahli akademik yang memegang jawatan Timbalan PTj dan ke atas **Penyeliaan pelajar PITA dan LI serta kerja lapangan tertakluk kepada program masing-masing.**	Minimum 9 jam kredit setahun bagi ahli akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran **ATAU** Sekurang-kurangnya 6 jam kredit setahun atau setara* bagi ahli akademik yang memegang jawatan Pengerusi Program/Ketua Jabatan/ Timbalan Pengerusi Program dan setara **ATAU** Minimum 3 jam kredit setahun bagi ahli akademik yang memegang jawatan Timbalan PTj dan ke atas **Penyeliaan pelajar PITA dan LI serta kerja lapangan tertakluk kepada program masing-masing.**	Minimum 3 jam kredit setahun bagi ahli akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran dan berjawatan pentadbiran. **Penyeliaan pelajar PITA dan LI serta kerja lapangan tertakluk kepada program masing-masing.**

	KRITERIA	FAKULTI	PPAL/PASTEM	INSTITUT
T	**b) Penyampaian Pengajaran** i) Menggunakan e-Pembelajaran sebagai medium pengajaran ii) Melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) dalam pengajaran	Mencapai sekurang-kurangnya tahap Biasa (Medium). Melaksanakan OBE dan mencapai sekurang-kurangnya tahap Rendah.	Mencapai sekurang-kurangnya tahap Biasa (Medium). Melaksanakan OBE dan mencapai sekurang-kurangnya tahap Rendah.	Mencapai sekurang-kurangnya tahap Biasa (Medium). Melaksanakan OBE dan mencapai sekurang-kurangnya tahap Rendah.
T	**c) Penilaian Pengajaran** Penilaian bersepadu bagi pengajaran Ahli Akademik Universiti melalui Sistem eTEP (Teaching Excellent Plan)	Cadangan Skala Terkini Sistem eTEP: • Sangat Cemerlang (95 – 100) • Cemerlang (90 – 94) • Sangat Baik (85 – 89) • Baik (80 – 84) • Memuaskan (75 – 79) • Tidak Memuaskan (74 – 0) *Mencapai sekurang-kurangnya Sangat Baik (85 – 89)	Cadangan Skala Terkini Sistem eTEP: • Sangat Cemerlang (95 – 100) • Cemerlang (90 – 94) • Sangat Baik (85 – 89) • Baik (80 – 84) • Memuaskan (75 – 79) • Tidak Memuaskan (74 – 0) *Mencapai sekurang-kurangnya Sangat Baik (85 – 89)	Cadangan Skala Terkini Sistem eTEP: • Sangat Cemerlang (95 – 100) • Cemerlang (90 – 94) • Sangat Baik (85 – 89) • Baik (80 – 84) • Memuaskan (75 – 79) • Tidak Memuaskan (74 – 0) *Mencapai sekurang-kurangnya Sangat Baik (85 – 89)
	d) Penerapan *Industri In Classroom* Industri-industri selain daripada universiti ***Nota:*** **Kuasa diberikan kepada PTj untuk melatakan sasaran industri dalam pengajaran.*	Menerapkan elemen industri dalam pengajaran sekurang-kurangnya 2 sesi kuliah setiap kursus pada Semester 2 2024/2025 atau Semester 1 2025/2026. *1 sesi kuliah bersamaan 1 jam kuliah	Menerapkan elemen industri dalam pengajaran sekurang-kurangnya 2 sesi kuliah setiap kursus pada Semester 2 2024/2025 atau Semester 1 2025/2026. *1 sesi kuliah bersamaan 1 jam kuliah	Menerapkan elemen industri dalam pengajaran sekurang-kurangnya 2 sesi kuliah setiap kursus pada Semester 2 2024/2025 atau Semester 1 2025/2026. *1 sesi kuliah bersamaan 1 jam kuliah

KRITERIA	FAKULTI	PPAL/PASTEM	INSTITUT
e) Penerbitan e-Pengajaran Menerbitkan bahan pengajaran: i) Buku pengajaran (fizikal/digital) ii) Manual/modul pengajaran iii) Segala bentuk atau apa-apa video pengajaran yang dihasilkan dan digunakan serta dimuat naik/upload dalam platform e-Pengajaran UMT (MOOC, Micro Credential/ODL dll.) dengan tujuan untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	**Tertakluk kepada SKT PTj**	**Tertakluk kepada SKT PTj**	**Tertakluk kepada SKT PTj**

KRITERIA	FAKULTI	PPAL/PASTEM	INSTITUT
f) Penyeliaan Siswazah Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan	Penyeliaan pelajar pascasiswazah sebagai penyelia bersama berstatus **sedang maju** sekurang-kurangnya:	Penyeliaan pelajar pascasiswazah sebagai penyelia bersama berstatus **sedang maju** sekurang-kurangnya:	Penyeliaan pelajar pascasiswazah sebagai penyelia bersama berstatus **sedang maju** sekurang-kurangnya:

FAKULTI

Gred	Ph.D	Sarjana	Jumlah
VK5	2	3	**5**
VK6	1	3	**4**
VK7	1	2	**3**
DS14	1	1	**2**
DS13	-	1	**1**
DS11	Tiada sasaran		

PPAL/PASTEM

Gred	Ph.D	Sarjana	Jumlah
VK5	2	3	**5**
VK6	2	2	**4**
VK7	1	2	**3**
DS14	1	1	**2**
DS13	-	1	**1**
DS11	Tiada sasaran		

INSTITUT

Gred	Ph.D	Sarjana	Jumlah
VK5	3	3	**6**
VK6	3	2	**5**
VK7	2	2	**4**
DS14	1	2	**3**
DS13	-	2	**2**
DS11	Tiada sasaran		

RESEARCH (R)

KRITERIA	FAKULTI	PPAL/PASTEM	INSTITUT
a) Geran Penyelidikan berdasarkan bidang kepakaran ***Nota:*** **Kuasa diberikan kepada PTj untuk melatakan sasaran geran penyelidikan berdasarkan kepada KPI yang ditetapkan oleh UMT kepada PTj.*	Setiap ahli akademik dikehendaki mempunyai geran penyelidikan secara kumulatif sebagai **penyelidik bersama** sekurang-kurangnya:	Setiap ahli akademik dikehendaki mempunyai geran penyelidikan secara kumulatif sebagai **penyelidik bersama** sekurang-kurangnya:	Setiap ahli akademik dikehendaki mempunyai geran penyelidikan secara kumulatif sebagai **penyelidik bersama** sekurang-kurangnya:

R

FAKULTI

GRED	K'JAAN	SWASTA	A'BANGSA
VK5			
VK6			
VK7			
DS14			
DS13			
DS11			

PPAL/PASTEM

GRED	K'JAAN	SWASTA	A'BANGSA
VK5			
VK6			
VK7			
DS14			
DS13			
DS11			

INSTITUT

GRED	K'JAAN	SWASTA	A'BANGSA
VK5			
VK6			
VK7			
DS14			
DS13			
DS11			

KRITERIA	FAKULTI	PPAL/PASTEM	INSTITUT
b) Penerbitan berdasarkan bidang kepakaran ***Nota:*** **Indeks = Artikel Jurnal Indeks WoS/Scopus sahaja.* **Kuasa diberikan kepada PTj untuk melatakan sasaran **penerbitan buku** berdasarkan kepada KPI yang ditetapkan oleh UMT kepada PTj.*	Setiap ahli akademik dikehendaki menghasilkan sebagai penulis utama/corresponding dan lain-lainnya sebagai penulis bersama dengan agensi luar:	Setiap ahli akademik dikehendaki menghasilkan sebagai penulis utama/corresponding dan lain-lainnya sebagai penulis bersama dengan agensi luar:	Setiap ahli akademik dikehendaki menghasilkan sebagai penulis utama/corresponding dan lain-lainnya sebagai penulis bersama dengan agensi luar:

R

Gred	S&T	SS
VK5	5 indeks	5 indeks
VK6	4 indeks	4 indeks
VK7	4 indeks	4 indeks
DS14	3 indeks	3 indeks
DS13	2 indeks	2 indeks
DS11	1 non-indeks	1 non-indeks

**DS11 digalakkan sebagai penulis utama.*

Gred	S&T	SS
VK5	5 indeks	5 indeks
VK6	4 indeks	4 indeks
VK7	4 indeks	4 indeks
DS14	3 indeks	3 indeks
DS13	2 indeks	2 indeks
DS11	1 non-indeks	1 non-indeks

**DS11 digalakkan sebagai penulis utama.*

Gred	S&T	SS
VK5	7 indeks	7 indeks
VK6	6 indeks	6 indeks
VK7	5 indeks	5 indeks
DS14	4 indeks	4 indeks
DS13	3 indeks	3 indeks

Markah Pemberat bagi Penulis Utama dan Penulis Bersama dikira dengan Markah Pemberat yang berbeza termasuk penulis bersama agensi luar:

WoS

UMT						Bersama Agensi Luar					
Penulis Utama			Penulis Bersama			Penulis Utama			Penulis Bersama		
Q1/Q2	Q3/Q4	ESCI	Q1/Q2	Q3/Q4	ESCI	Q1/Q2	Q3/Q4	ESCI	Q1/Q2	Q3/Q4	ESCI
14	12	12	12	10	10	14	12	12	12	10	10

Scopus

UMT				Bersama Agensi Luar			
Penulis Utama		Penulis Bersama		Penulis Utama		Penulis Bersama	
Q1/Q2	Q3/Q4	Q1/Q2	Q3/Q4	Q1/Q2	Q3/Q4	Q1/Q2	Q3/Q4
12	10	10	8	12	10	10	8

Markah Pemberat bagi penerbitan Buku Berasaskan Penyelidikan/Kepakaran:

Buku Berasaskan Penyelidikan/Kepakaran	
Pengarang Utama	Pengarang Bersama
12	10

Markah Pemberat bagi penerbitan Bab dalam Buku Berasaskan Penyelidikan/Kepakaran:

Bab dalam Buku Berasaskan Penyelidikan/Kepakaran	
Penulis Utama	Penulis Bersama
10	8

SERVICE (S)

	KRITERIA	FAKULTI	PPAL/STEM	INSTITUT
S	**S1 - PEMINDAHAN ILMU (Rujuk Lampiran 3)**	Setiap ahli akademik dikehendaki menyertai dalam aktiviti pemindahan ilmu berdasarkan penetapan oleh PPP dan PPK.		
	S2 - PEMBANGUNAN KENDIRI (Rujuk Lampiran 3)	Setiap ahli akademik dikehendaki menyertai dalam aktiviti pembangunan kendiri berdasarkan penetapan oleh PPP dan PPK.		
	S3 - KEPIMPINAN AKADEMIK (Rujuk Lampiran 3)	Setiap ahli akademik dikehendaki menyertai dalam aktiviti kepimpinan akademik berdasarkan penetapan oleh PPP dan PPK.		

Nota:

Pencapaian prestasi tahun 2025 dan 2026 mengambil kira tempoh:

(Tahun 2025)

- Amanah, Penyampaian, Penilaian, Penerbitan Pengajaran, Penyeliaan → Semester 2 2024/2025, Semester 1 2025/2026, Semester Pendek 2024/2025, Semester Diploma & Asasi
- Penerapan Industri → Semester 2 2024/2025, Semester 1 2025/2026
- TeRaS → Data pencapaian bermula 1 Januari 2025 – 31 Disember 2025

(Tahun 2026)

- Amanah, Penyampaian, Penilaian, Penerbitan Pengajaran, Penyeliaan → Semester 2 2025/2026, Semester 1 2026/2027, Semester Pendek 2025/2026, Semester Diploma & Asasi
- Penerapan Industri → Semester 2 2025/2026, Semester 1 2026/2027
- TeRaS → Data pencapaian bermula 1 Januari 2026 – 31 Disember 2026

Lampiran 3

KRITERIA SKT (TeRaS) 2025/2026 DAN MARKAH PEMBERAT

TEACHING

A. AMANAH PENGAJARAN

BIL.	ITEM	SKALA	MARKAH PEMBERAT
1	Pengajaran Kursus Pra-Siswazah, Pasca Siswazah Mod B & C. ** jumlah jam kredit boleh disetarakan bergantung kepada jumlah pelajar yang mendaftar dalam kursus*	1 Jam Kredit = 1	**1**
2	Menyelia Pelajar Pra-Siswazah untuk Projek Penyelidikan Tahun Akhir (PITA)	1 Pelajar Diselia = 1	**1**
3	Penyeliaan Latihan Industri	1 Pelajar Diselia = 1	**1**
4	Kerja-kerja Lapangan dan sebagainya *(Tertakluk kepada program masing-masing)*	1 Kerja Lapangan = 1	**1**
5	Mentor kepada pelajar Keusahawanan (PPAL)	1 Pelajar = 1	**1**
6	Menyelia Pelajar Subjek Science in Life (PASTEM)	1 Pelajar Diselia = 1	**1**

B. INDUSTRI DALAM KULIAH DAN PROJEK PITA

BIL	ITEM	SKALA	MARKAH PEMBERAT
1	Industri dalam Kuliah (Industri Baharu & Industri Lama) Menerapkan elemen industri dalam pengajaran bagi setiap kursus pada setiap sesi	1 Indutri 1 Kursus	**15**
		1 Industri 2 Kursus	**8**
		1 Industri 3 Kursus	**5**
2	Projek PITA Berasaskan Industri/Komuniti	1 Penyelia 1 Projek	**15**
		2 Penyelia 1 Projek	**10**
		3 Penyelia 1 Projek	**5**
3	Kerja-kerja Lapangan dan sebagainya *Tertakluk kepada program masing-masing	Bilangan Pelajar Diselia: 1 Pelajar = 1	**2**

C. PENYAMPAIAN PENGAJARAN

BIL.	ITEM	SKALA	MARKAH PEMBERAT
1	Menggunakan e-Pembelajaran sebagai medium pengajaran (Lantera, Wadi, Oceania, Oasis dll.) **Mencapai sekurang-kurangnya tahap Biasa (Medium)*		
	Tahap	**Ada = 1** **Tiada = 0**	
	Tidak mengguna e-Pembelajaran		**0**
	Tidak mencapai tahap biasa (L)		**5**
	Mencapai tahap biasa (M)		**10**
	Melebihi tahap biasa (H)		**15**

2	Menggunakan Kaedah Pengajaran (UMTMOOC, Micro Credential / ODL/ PTG dll.)	**1 Kursus = 1**	**10**
3	Melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) dalam pengajaran **Melaksanakan OBE dan mencapai sekurang-kurangnya Tahap Rendah*		
	Tahap	**Ada = 1** **Tiada = 0**	
	Tidak melaksana OBE		**0**
	Tahap Rendah (Dokumen Contructive Alignment (CA) telah dibentuk)		**7**
	Tahap Baik (Dokumen CA dan MyICGPA telah dibentuk dan dilaksanakan dalam pengajaran		**12**
	Tahap Cemerlang (Dokumentasi Continouos Quality Improvement (CQI) di peringkat subjek)		**16**

D. PENILAIAN PENGAJARAN			
BIL.	**ITEM**	**SKALA**	**MARKAH PEMBERAT**
1	Penilaian bersepadu bagi pengajaran Ahli Akademik Universiti melalui Sistem eTEP (Teaching Excellent Plan) ****Mencapai sekurang-kurangnya Sangat Baik (85 – 89)***		
	Sangat Cemerlang (95 – 100)	**1 Kursus = 1**	**15**
	Cemerlang (90 – 94)		**13**
	Sangat Baik (85 – 89)		**10**
	Baik (80 – 84)		**8**
	Memuaskan (75 – 79)		**6**
	Tidak Memuaskan (<74)		**4**

E. PENERBITAN PENGAJARAN			
BIL	**ITEM**	**SKALA**	**PEMBERAT**
1	**Buku Pengajaran (Fizikal/Digital)** ****Cth:e-Book***	1 Penebitan = 1	
	Bilangan Penulis Utama		**20**
	Bilangan Penulis Bersama		**20**
2	**Video Pengajaran (MOOC, Micro Credential / ODL dll.)**		
	Bilangan Penulis Utama		**16**
	Bilangan Penulis Bersama		**16**
3	**Manual/Modul Pengajaran** ***(Modul PSH -Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Modul APEL boleh diambilkira)***		
	Bilangan Penulis Utama		**12**
	Bilangan Penulis Bersama		**12**
4	**Kandungan Digital menggunakan Aplikasi/Web 2.0**		
	Bilangan Penulis Utama		**6**
	Bilangan Penulis Bersama		**6**
5	**Lain-lain**		

	Bilangan Penulis Utama		**2**
	Bilangan Penulis Bersama		**2**
			JUMLAH SASARAN DAN PENCAPAIAN (E)

GLOSARI :
1. Buku Pengajaran fizikal adalah buku diterbitkan oleh penerbit. Buku Digital juga diterbitkan oleh penerbit, contohnya e-Book/OCW (mempunyai ISSN/ISBN).
2. Contoh pembangunan video pengajaran adalah seperti MOOC (rakaman), video development via Apps/Web 2.0 (Camtasia, presentMe dan lain -lain)
